

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Penganjur & Kelayakan**

1. “Go with MyDebit” (“Peraduan”) dianjurkan bersama oleh myNEWS Retail Sdn Bhd (Company No. No: 199401020616 (0306295-X)) dirujuk sebagai (“Penganjur”) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) dirujuk sebagai (“PayNet” atau “Penaja”).
2. Peraduan ini terbuka kepada (a) semua pemegang kad Mesin Juruwang Automatik (“ATM”) MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia; atau (b) pengguna servis pemindahan wang DuitNow QR dan (c) peserta mestilah merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan (“Peserta”).
3. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan yang disebutkan di Malaysia, dan akaun tersebut mesti aktif dengan kedudukan kewangan yang baik serta tidak aktif (dormant) sepanjang Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah selesai.
4. Kempen ini terbuka kepada semua peserta yang layak, yang merupakan pemegang kad MyDebit

### **Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan**

5. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Disember 2024** jam 12:00 pagi sehingga **28 Februari 2024** jam 11:59 malam (Waktu Malaysia) (“Tempoh Peraduan”).
6. Penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen akan dianggap tidak sah dan akan dibatalkan.
7. Transaksi pembelian hanya sah untuk semua kad MyDebit sahaja.
8. Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini dengan atau tanpa notis.
9. Kempen ini tersedia di semua cawangan myNews dan hanya terpakai apabila pembayaran dibuat menggunakan kad ATM MyDebit sepanjang tempoh kempen, tanpa sebarang perbelanjaan minimum atau maksimum yang diperlukan untuk layak mendapatkan promosi kopi.
10. Americano (Panas) RM2 dihadkan kepada 50,000 cawan sebulan dan akan diberikan berdasarkan "siapa cepat, dia dapat," tertakluk kepada ketersediaan.

### **Cara Penyertaan**

11. Setiap pembayaran mesti dibuat menggunakan kad debit sahaja untuk layak mendapatkan promosi kopi.
12. Peserta boleh menuntut promosi pada tarikh tertentu yang ditetapkan oleh Pengajur di cawangan myNEWS dan Supervalue terpilih yang menjual Maru Coffee di lokasi myNEWS .Setiap peserta dihadkan untuk menebus 1 (satu) Americano Panas bagi setiap resit.

### **Penebusan Hadiah**

13. Gambar produk yang dipaparkan dalam sebarang bahan promosi, iklan, publisiti, dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada produk sebenar.
14. Produk tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penjual (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pengajur dan agennya tidak bertanggungjawab atas sebarang liabiliti yang timbul akibat penangguhan, pembatalan, kelewatan, atau perubahan pada butiran produk atau sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Pengajur serta sebarang tindakan atau kegagalan daripada penjual atau pembekal pihak ketiga.
15. Pengajur berhak untuk menangguhkan tarikh dan mengubah lokasi penebusan produk yang telah ditetapkan ke tarikh yang lain sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka.
16. Pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos pengangkutan berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran produk. Sebarang kos tambahan, duti, cukai, dan/atau perbelanjaan atau caj lain yang dikenakan ke atas produk adalah tanggungjawab penuh Pemenang.
17. Pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa proses penebusan produk dan/atau majlis penyampaian hadiah kecuali disebabkan oleh kecuaian besar atau kelalaian daripada pihak Pengajur.
18. Penebusan produk tertakluk kepada ketersediaan produk.

19. Produk tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, barang lain, atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya (jika ada). Penganjur berhak menggantikan produk yang diiklankan dengan produk lain yang mempunyai nilai yang sama. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensinya, sekutunya, penaja, dan wakilnya tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan berkaitan dengan produk atau penyalahgunaan produk, atau tuntutan, liabiliti, kerugian, atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini.
20. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik.

#### **Hak Penganjur / Penaja**

21. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini tanpa sebarang notis.
22. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini dan pihak Penganjur berhak untuk melakukan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang diyakini telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Peraduan.
23. Pihak Penganjur dan Penaja berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya.
24. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang (<https://www.mynews.com.my/promotions.php>) atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.

25. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di (<https://www.mynews.com.my/promotions.php>) akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
26. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat akan diguna pakai.
27. Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran, dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini (sama ada untuk tujuan menyertai, mengambil bahagian atau menerima apa-apa faedah atau hadiah daripada Kempen) adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta/Pemenang. Penganjur, sekutunya atau ejen yang diberi kuasa tidak akan menerima sebarang tanggungjawab ke atas kos/caj/yuran/perbelanjaan tersebut.
28. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur dan Penaja, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

#### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

29. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

30. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan pihak Penganjur dan Penaja atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan pihak Penganjur atau pihak Penaja untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun pihak Penganjur dan Penaja telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
31. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur.
32. Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa mahkamah Malaysia

**[TAMAT]**